

Headline	Bantu tingkat pencapaian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	578 cm ²
Journalist	Oleh Muhammad Reza Muhsain	AdValue	RM 19,924
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,772



Bantu tingkat pencapaian

» Tarik penyertaan Kelab Ibu Bapa Guru Islam Melaka sertai Seminar UPSR Kelab TaHa, BH



Sebahagian daripada peserta **Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR TH dan BH di Melaka.**

Headline	Bantu tingkat pencapaian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	578 cm ²
Journalist	Oleh Muhammad Reza Muhsain	AdValue	RM 19,924
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,772

Oleh Muhammad Reza Muhsain

► **Merlimau**

Tabung Haji (TH) mengakui keberkesanan Seminar Bimbingan Peperiksaan anjuran TH dan BH dalam membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik seterusnya cemerlang dalam peperiksaan.

Pengurus Lembaga TH Jasin, Rahmat Baba, berkata pihaknya bersungguh-sungguh untuk terus membantu murid dan sekolah sekitar Jasin meningkatkan prestasi pencapaian Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) masing-masing.

Katanya, pelajar yang menyertai seminar itu perlu memanfaatkan peluang yang diperoleh sebaik-baiknya untuk mencapai kecemerlangan pada UPSR tahun ini.

Maklum balas positif

“Program turut menarik penyer-taan 42 pelajar di bawah Kelab Ibu Bapa Guru Islam Melaka (KIBGIM) yang turut menyediakan kemudahan pengangkutan percuma bagi menghantar pelajar-jarnya.

“Maklum balas diterima daripada guru kelab cukup positif,

malah mereka turut menyifatkan program itu sebagai sesuatu yang cukup bermanfaat kepada pelajarnya, terutama dalam melakukan persiapan akhir menghadapi peperiksaan UPSR,” katanya.

Program khusus untuk ahli Kelab TaHa itu membabitkan 270 calon UPSR dari 39 sekolah rendah sekitar daerah Jasin, di Politeknik Merlimau, baru-baru ini.

Sementara itu, guru KIBGIM, Zulaika Husin, berkata pengisian setiap sesi memberi pengetahuan baharu bukan saja kepada pelajar, malah guru apabila dapat memanfaatkannya dalam proses pembelajaran di dalam kelas.

Katanya, pendedahan berkaitan aspek pemarkahan dalam setiap soalan peringkat UPSR membolehkan pelajar mengenal

pasti teknik menjawab soalan dengan baik, sekali gus memperoleh markah yang terbaik.

Tambah subjek

“Sebelum ini, pendedahan sebegini sukar diperoleh, namun selepas menyertai program ini saya yakin guru dan pelajar kini lebih faham dan mampu memperbaiki kelemahan yang ada.

“Saya berharap agar pihak penganjur dapat menambah satu lagi subjek iaitu Bahasa Inggeris memandangkan program kali ini hanya membincangkan tiga subjek iaitu Bahasa Melayu, Sains dan Matematik,” katanya.

Pelajar Sekolah Kebangsaan Merlimau 2, Nurul Aqilah Mohd Megedis, pula berkata penceramah menggalakkan peserta agar lebih kreatif dalam menjawab soalan terutama subjek Bahasa Melayu Penulisan.

Katanya, imajinasi dapat membantu peserta bagi membina ayat yang sesuai untuk menggambarkan situasi dalam gambar diberikan dalam soalan Bahagian A.

“Penerangan yang diberikan oleh penceramah sangat berguna, terutama bagi membolehkan peserta memahami cara dan jalan mudah untuk menjawab soalan dalam peperiksaan mengikut urutan yang betul,” katanya.

“**Maklum balas diterima daripada guru kelab cukup positif, malah mereka turut menyifatkan program itu sebagai sesuatu yang cukup bermanfaat kepada pelajarnya terutama dalam melakukan persiapan akhir menghadapi peperiksaan UPSR**”

Rahmat Baba,
Pengurus Lembaga TH
Jasin

Headline	Bantu tingkat pencapaian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	578 cm ²
Journalist	Oleh Muhammad Reza Muhsain	AdValue	RM 19,924
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,772



Peserta khusyuk mendengar penerangan yang diberikan oleh penceramah.